

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 JANUARY 2017

Sesi pertama Dialog TN50 amat berjaya

UM-20/1/2017

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meluangkan masa hampir sejam mendengar aspirasi generasi muda merangkumi pelbagai topik dalam sesi sulung Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 (TN50) di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM) di sini malam ini.

Antara topik yang diutarakan wakil-wakil golongan muda itu adalah ekonomi digital, pendidikan, kesedaran sivik, perpaduan, kesejahteraan bandar, pembangunan luar bandar, merapatkan jurang pendapatan, perkhidmatan awam, alam sekitar dan sukan.

Secara keseluruhan, Najib menyifatkan sesi dialog tersebut se-

bagai amat berjaya dan mencerminkan kesungguhan generasi muda untuk menjayakan agenda TN50.

“Saya ingat apa Imam Ghazali kata, kalau kita nak tengok masa depan negara, kita lihat orang muda hari ini.

“Kalau ini rupa orang muda hari ini, saya optimis terhadap masa depan negara kita,” katanya ketika memberi reaksi spontan selepas mendengar pandangan wakil-wakil generasi muda berkenaan.

Sesi dialog tersebut dikendalikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin sebagai moderator.

Perdana Menteri turut menyeru kepada rakyat agar memberi

kepercayaan dan menyayangi negara tempat tumpah darah mereka.

“Ini negara kita, Malaysia negara tercinta. Jadikan Malaysia sebuah negara yang amat berjaya dan berada dalam kedudukan 20 teratas di dunia,” katanya penuh bersemangat.

Dalam pada itu, ketika ditanya Khairy sama ada skuad Harimau Malaysia berupaya menduduki tempat 20 teratas dalam ranking bola sepak dunia pada 2050, Najib secara berseloroh berkata, sesuatu perlu dilakukan untuk mencapai sasaran itu.

“Kita tidak boleh terima keadaan di mana bola sepak kita di tangga ke-164,” jelasnya.



NAJIB TUN RAZAK bersama moderator, Khairy Jamaluddin berinteraksi dengan hadirin yang menyertai sesi dialog di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, malam tadi.